

4.7 RUMUSAN :

Berdasarkan penemuan melalui hasil penyelidikan yang telah dijalankan, kajian ini mendapati sekitar 78.56% responden mengakui wujudnya elemen-elemen motivasi dakwah dalam program KKDP dengan tahap nilai yang memuaskan. Ukuran nilai tersebut merangkumi semua elemen yang berkaitan dengan isi kandungan ceramah, penceramah (fasilitator), pengajur, urusetia, peserta dan agenda program.

Kajian ini juga mendapati sekitar 89.47% responden mengakui tentang relevansinya motivasi dakwah untuk diimplementasikan dalam program motivasi pada masa kini dan akan datang dalam kategori yang memuaskan. Ukuran nilai tersebut hanya merangkumi tiga elemen yang dicerap iaitu elemen memahami hakikat diri, memotivasi manusia dengan elemen kerohanian dan mengedepankan program motivasi dengan penekanan kepada item kerohanian.

Kajian ini seterusnya mendapati sekitar 65.83% responden yang memberikan persetujuannya tentang peranan motivasi dakwah dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar dengan pencapaian yang memuaskan tetapi dalam peringkat yang minima sahaja. Ukuran nilai tersebut hanya merangkumi tiga elemen yang dicerap iaitu berperanan sebagai *internal force*, membina identiti mulia dan membina imej bersih dan suci.

Dari sudut sumbangan motivasi dakwah dalam bentuk praktikal pula, kajian ini mendapati sekitar 53.13% responden yang telah memberikan persetujuannya tentang ukuran tahap ukhuwah, ucapan salam dan penghayatan Islam. Ini ererti dapatkan nilaiannya adalah memuaskan tetapi secara minima sahaja.

Akhirnya, daripada paparan di atas dapat difahami bahawa elemen motivasi dakwah yang dikenal pasti wujud dalam perjalanan Program KKDP dengan nilai peratusan yang baik dari sudut teorinya, namun ia masih gagal jika diukur dari sudut aplikasi amalan atau dalam bentuk praktiknya.

Memandangkan ruangan dalam jadual yang dipaparkan agak terbatas maka kajian ini akan menggunakan kependekan “frek” dalam semua jadual yang dibawa dengan membawa maksud frekuensi (kekerapan).

4.3.1 Isi Kandungan Ceramah :

Penilaian daripada 123 orang responden terhadap elemen motivasi dakwah yang terdapat dalam item isi kandungan ceramah adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 4.1 Penilaian Responden Terhadap Elemen Motivasi Dakwah Pada Isi Kandungan Ceramah.

Soalan	Elemen Motivasi Dakwah	Ya		Tidak	
		Frek	%	Frek	%
1.	Prihatin,sabar & persiapan diri	106	86.2	17	13.8
2.	Membina & membetulkan hati	104	84.6	19	15.4
3.	Kesedaran berusaha & berdoa	93	75.6	30	24.4
Jumlah			82.13		17.87

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Jadual 4.1 di atas telah memaparkan beberapa elemen motivasi yang terdapat dalam item isi kandungan ceramah seperti berikut :

4.3.1.(a) Prihatin, Sabar dan Persiapan Diri.

Seramai 106 responden (86.2%) dalam penilaianya telah menjawab “Ya” iaitu bersetuju menyatakan wujudnya elemen-elemen pembentukan sikap dalam slot pengisian ceramah contohnya sikap prihatin, sabar dan sentiasa membuat persiapan diri agar berupaya mendepani cabaran, berbanding dengan 17 responden (13.8%) yang menjawab “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 1 dalam Lampiran E) yang berbentuk

bell-shaped (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 1 dalam Lampiran E).

Oleh itu, penilaian daripada 106 responden (86.2%) berkaitan wujudnya elemen-elemen motivasi dakwah seperti prihatin, sabar dan membuat persiapan diri dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** (mewakili) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.1.(b) Membina dan Membetulkan Hati.

Seramai 104 responden (84.6%) dalam penilaianya telah pun bersetuju menjawab “Ya” iaitu bersetuju menyatakan wujudnya elemen-elemen membina persiapan kerohanian yang ditumpukan kepada niat dan hati dalam slot pengisian ceramah tersebut, berbanding 19 responden (15.4%) sahaja yang telah menjawab “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 2 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 2 dalam Lampiran E).

Oleh itu, penilaian daripada 104 responden (84.6%) berkaitan wujudnya elemen membina persiapan kerohanian dengan tumpuan kepada pembinaan niat dan hati dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang telah mengikuti program KKDP.

4.3.1.(c) Kesedaran Berusaha dan Berdoa.

Seramai 93 responden (75.6%) dalam penilaianya telah bersetuju menjawab “Ya” iaitu bersetuju menyatakan wujudnya elemen kesedaran


membaca, berusaha dan berdoa dalam slot pengisian ceramah tersebut berbanding 30 responden (24.4%) yang menyatakan "Tidak".

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 3 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 3 dalam Lampiran E).

Oleh itu, penilaian daripada 93 responden (75.6%) berkaitan wujudnya elemen kesedaran membaca, berusaha, berdoa dan bertawakal dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan bagi item isi kandungan ceramah :

Pengakuan semua responden yang melibatkan elemen pengisian ceramah ini boleh dilakarkan melalui graf berikut :



Rajah 4.1 Graf Menunjukkan Elemen Motivasi Dakwah Pada Isi Kandungan Ceramah.

Sumber : Soal selidik: *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Merujuk kepada rajah 4.1 di atas menunjukkan wujudnya elemen-elemen motivasi dakwah dalam sesi pengisian ceramah dengan jumlah peratusan yang **baik 82.13%** (jumlah bagi 86.2% + 84.6% + 75.6%) responden yang menyatakan “Ya”, manakala **17.87%** (jumlah bagi 13.8% + 15.4% + 24.4%) yang menyatakan “Tidak”.

Paparan di atas menggambarkan isi kandungan program telah berjaya membantu para peserta mengenali diri masing-masing dengan membuat persiapan diri, membuat sorotan tentang sikap-sikap negatif, membetulkan hati, membulatkan harapan, melakukan proses *internalisation* seperti yang pernah diajar oleh Baginda s.a.w. (lihat bab 2.3 Kepentingan Motivasi, h. 46). seterusnya menyelitkan elemen doa bagi semua usahanya sebagai pengikat (*link*) kepada pengorbanan yang dilakukan.

Peratusan dapatan yang tinggi menggambarkan elemen-elemen motivasi dakwah telah berjaya meresap ke dalam keyakinan hati responden dalam rangka menyuntik pembentukan syahsiah diri pelajar khususnya peserta yang terlibat dengan tindakan tatatertib.

Nilai peratusan yang baik itu juga menggambarkan penerimaan dan kesediaan responden terhadap konsep ilmu, pembudayaan ilmu, tabiat membaca dan peranannya dalam sesi pembinaan motivasi tersebut.

Kajian ini percaya gabungan bagi ketiga-tiga item dalam isi kandungan ceramah ini dapat menggambarkan betapa perlunya pembinaan dari sudut kekuatan dalaman (motivasi intrinsik). Malah, jika merujuk kepada Kepentingan Kajian dalam disertasi ini kajian ini percaya bahawa pembinaan kekuatan dalaman adalah yang sepatutnya diutamakan dalam sesuatu program motivasi.

Akhirnya, penilaian **82.13%** (jumlah bagi 86.2% + 84.6% + 75.6%) responden adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

:

4.3.2 Komponen Penceramah Atau Fasilitator :

Penilaian daripada 123 orang responden bagi elemen motivasi dakwah yang terdapat pada diri penceramah seperti jadual di bawah.

Jadual 4.2 Penilaian Responden Terhadap Elemen Motivasi Dakwah Pada Komponen Penceramah Atau Fasilitator.

Soalan	Elemen Motivasi Dakwah	Ya		Tidak	
		Frek	%	Frek	%
4.	Kemahiran dalam bidang motivasi	87	70.7	36	29.3
5.	Menjadi sumber inspirasi	107	87.0	16	13.0
6.	Peluang pada masa akan datang	105	85.4	18	14.6
Jumlah			81.03		18.97

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Jadual 4.2 di atas telah menampilkan beberapa elemen motivasi yang melibatkan item penceramah atau *motivator* iaitu :

4.3.2.(a) Kemahiran Dalam Bidang Motivasi.

Seramai 87 responden (70.7%) dalam penilaiannya telah menjawab “Ya” iaitu bersetuju menyatakan wujudnya elemen kemahiran atau keterampilan penceramah (fasilitator atau *motivator*) dalam program tersebut, berbanding 36 responden (29.3%) yang menjawab “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 4 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 4 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 87 responden (70.7%) berkaitan dengan ciri-ciri kemahiran penceramah atau *motivator* dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** (mewakili) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.2.(b) Menjadi Sumber Inspirasi.

Seramai 107 responden (87.0%) dalam penilaianya telah menjawab “Ya” iaitu bersetuju menyatakan penampilan diri penceramah atau *motivator* dapat menjadi sumber inspirasi kepada mereka , berbanding 16 responden (13.0%) yang menjawab “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 5 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 5 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 107 responden (87.0%) berkaitan wujudnya elemen penampilan diri penceramah atau *motivator* yang dapat menjadi sumber inspirasi dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.2.(c) Peluang Pada Masa Akan Datang.

Seramai 105 responden (85.4%) dalam penilaianya telah menjawab “Ya” iaitu bersetuju mahu memberikan peluang sekali lagi kepada para *motivator* untuk membuat pengisian pada masa akan datang, berbanding 18 responden (14.6%) yang menjawab “Tidak”.


Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 6 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric*

Tests untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .600 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 6 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 105 responden (85.4%) berkaitan wujudnya elemen memberikan peluang kepada para *motivator* untuk membuat pengisian pada masa akan datang dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan bagi komponen penceramah atau fasilitator :

Pengakuan responden yang berkaitan dengan diri penceramah atau fasilitator ini boleh dilakukan melalui graf berikut :



Rajah 4.2 Graf Menunjukkan Elemen Motivasi Dakwah Bagi Komponen Penceramah.

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Rajah 4.2 di atas menunjukkan wujudnya elemen-elemen tersebut pada diri penceramah dengan jumlah peratusan nilai yang **baik** iaitu **81.03%** (jumlah bagi 70.7% + 87.0% + 85.4%) responden yang menyatakan “Ya”, manakala **18.97%** (jumlah bagi 29.3% + 13.0% + 14.6%) yang menyatakan “Tidak”.

Paparan di atas menggambarkan fasilitator program telah berjaya meletakkan dirinya sebagai sumber inspirasi dan contoh teladan yang baik kepada para peserta. Peratusan pencapaian keseluruhan 81.03% telah membuktikan bahawa imej cemerlang fasilitator sebagai pengendali program merupakan aset penting dalam pembinaan motivasi (sila lihat 2.2.1 Prinsip Motivasi, h. 18). Imej positif fasilitator dalam pengisiannya banyak memberi sumbangan bermakna untuk menerapkan elemen-elemen motivasi dakwah.

Usaha-usaha menyuntik idea dengan menggunakan metode yang terbaik dan disenangi oleh responden menyebabkan responden rela memberikan peluang kepada fasilitator untuk program motivasi pada masa akan datang dengan pencapaian sebanyak 85.4%. Ini membuktikan bahawa kebijaksanaan dalam menetapkan cara, atau pendekatan terbaik dalam motivasi dakwah adalah termasuk dalam kerangka utama membina syahsiah diri pelajar.

Akhirnya, penilaian 81.03% (jumlah bagi 70.7% + 87.0% + 85.4%) responden adalah *valid* dan *signifikan* untuk dibuat *generalisasi* bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.3 Penganjur Program :

Penilaian daripada 123 orang responden bagi elemen motivasi dakwah yang terdapat pada penganjur program seperti jadual berikut.

Jadual 4.3 Penilaian Responden Terhadap Elemen Motivasi Dakwah Kepada Penganjur Program.

Soalan	Elemen Motivasi Dakwah	Ya		Tidak	
		Frek	%	Frek	%
7.	Kecemerlangan sebagai asas	109	88.6	14	11.4
8.	Mengamalkan elemen "ihsan"	107	87.0	16	13.0
9.	Pemberian sijil penyertaan program	83	67.5	40	32.5
Jumlah			81.03		18.97

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Jadual 4.3 di atas telah menampilkan beberapa elemen motivasi yang melibatkan tugas selaku pengajur program iaitu :

4.3.3.(a) Kecemerlangan Sebagai Asas.

Seramai 109 responden (88.6%) dalam penilaianya telah menjawab “Ya” iaitu bersetuju menyatakan wujudnya elemen motivasi yang melibatkan tugas pengajur program dengan menjadikan mesej kecemerlangan sebagai asas utama dalam program tersebut, berbanding 14 responden (11.4%) yang menjawab “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 7 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 7 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 109 responden (88.6%) berkaitan dengan mesej kecemerlangan pengajur program dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** (mewakili) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.3.(b) Mengamalkan Elemen “Ihsan”.

Seramai 107 responden (87.0%) dalam penilaianya telah menjawab “Ya” iaitu bersetuju menyatakan wujudnya elemen “ihsan” iaitu semata-mata untuk memotivasi para peserta, berbanding 16 responden (13.0%) yang menjawab “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 8 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap

.000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 8 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 107 responden (87.0%) berkaitan dengan elemen “ihsan” oleh penganjur dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** (mewakili) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.3.(c) Pemberian Sijil Penyertaan Program.

Seramai 83 responden (67.5%) dalam penilaianya telah menjawab “Ya” iaitu bersetuju dengan elemen pemberian sijil penyertaan sebagai satu langkah penghargaan oleh pihak penganjur, berbanding 40 responden (32.5%) yang menjawab “Tidak”.


Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 9 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 9 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 83 responden (67.5%) berkaitan dengan elemen pemberian sijil penyertaan dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan bagi item penganjur program :

Pengakuan responden yang melibatkan elemen pentadbiran daripada pihak penganjur program KKDP ini boleh dilakarkan melalui graf berikut :

:



Rajah 4.3 Graf Menunjukkan Elemen Motivasi Dakwah Kepada Penganjur Program.

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Rajah 4.3 di atas menunjukkan wujudnya elemen-elemen tersebut dalam penampilan imej penganjur program dengan peratusan nilai yang baik iaitu 81.03% (jumlah bagi 88.6% + 87.0% + 67.5%) responden yang menyatakan "Ya", manakala 18.97% (jumlah bagi 11.4% + 13.0% + 32.5%) yang menyatakan "Tidak".

Paparan graf di atas menggambarkan pihak penganjur program telah melaksanakan tugas dengan memuaskan, manakala pihak responden pula tanpa rasa tertekan sanggup memberikan persetujuannya terhadap keikhlasan penganjur. Gambaran kesediaan ini amat menggembirakan pihak UiTM kerana mesej utama program dapat dihayati oleh para peserta program. Antara sebab terjadi demikian ialah kerana mesej perubahan dan kecemerlangan memang telah menjadi moto dan matlamat utama diadakan program motavasi ini.

Lanjutan daripada kesediaan responden terhadap item perubahan dan kecemerlangan di atas tadi, responden memberikan skor 87.0% terhadap elemen ihsan (lihat 2.5.1.(b) Elemen iltizam dan penghayatan, h. 78) iaitu para peserta memaklumi bahawa pihak penganjur semata-mata mahu memotivisasikan mereka dan bukan kerana tujuan lain seperti mengambil kesempatan untuk mendera, menghukum dan sebagainya.

Ketika menyentuh tentang pemberian sijil pencapaian peratusan menurun menjadi 67.5% sahaja. Paparan ini menunjukkan bahawa 32.5% (sekitar satu pertiga daripada jumlah responden) mengakui tidak diberikan sijil penyertaan oleh pihak pengajur. Paparan ini menggambarkan reaksi negatif dari sudut perkembangan motivasi kerana pemberian sijil merupakan suatu pengiktirafan atau dorongan dalam sesi pembabitannya (lihat 2.2.3.(b) Teori Insentif, h. 37).

Secara keseluruhannya, nilai pencapaian bagi pihak pengajur masih berada di tahap memuaskan (81.03%). Ini menggambarkan bahawa responden berpuas hati terhadap kerohanian, kepayaan, pengorbanan dan timbang terima pihak pengurusan dalam menjayakan program tersebut. Kajian ini berpendapat faktor lokasi dan tempat kursus itu diadakan, faktor keceriaan dalam elemen ihsan serta pelbagai kemudahan lain untuk urusan latihan dan seminar adalah menjadi antara sebab utama pertimbangan yang memuaskan daripada pihak responden.

Akhirnya, penilaian 81.03% (jumlah bagi 88.6% + 87.0% + 67.5%) responen adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.4 Urusetia Program :

Penilaian daripada 123 orang responden bagi elemen motivasi dakwah yang terdapat pada item urusetia program dipaparkan seperti jadual di bawah.

Jadual 4.4 Penilaian Responden Terhadap Elemen Motivasi Dakwah Pada Urusetia Program.

Soalan	Elemen Motivasi Dakwah	Ya		Tidak	
		Frek	%	Frek	%
10.	Budaya "mesra pelanggan"	90	73.2	33	26.8
11.	Kebajikan kepada para peserta	81	65.9	42	34.1
12.	Pujian dan penghargaan	98	79.7	25	20.3
Jumlah			72.93		27.07

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Jadual 4.4 di atas telah memaparkan beberapa elemen motivasi yang berkaitan dengan item uruseua program seperti berikut :

4.3.4.(a) Budaya “Mesra Pelanggan”.

Seramai 90 responden (73.2%) dalam penilaianya telah menjawab “Ya” iaitu bersetuju bahawa pihak urusetia benar-benar telah menghayati amalan budaya “mesra pelanggan” yang telah menjadi slogan institusi sejak sekian lama, berbanding 33 responden (26.8%) yang menjawab “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 10 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 10 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 90 responden (73.2%) berkaitan wujudnya elemen “mesra pelanggan” dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** (mewakili) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.4.(b) Kebajikan Kepada Para Peserta.

Seramai 81 responden (65.9%) dalam penilaianya telah pun menjawab “Ya” iaitu bersetuju menyatakan wujudnya elemen keprihatinan dari sudut kebijakan kepada para peserta yang telah dikendalikan oleh urusetia, berbanding 42 responden (34.1%) yang telah menjawab “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 11 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya

berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 11 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 81 responden (65.9%) berkaitan wujudnya elemen keprihatinan pihak urusetia dalam mengendalikan urusan kebijakan dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** (mewakili) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.4.(c) Pujian dan Penghargaan.

Seramai 98 responden (79.7%) dalam penilaianya telah menjawab “Ya”. Irtinya bersetuju menyatakan wujudnya elemen pujian dan penghargaan daripada pihak urusetia program untuk menyuntik rangsangan motivasi kepada para peserta, berbanding 25 responden (20.3%) yang menyatakan “Tidak”.


Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 12 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 12 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 98 responden (79.7%) berkaitan wujudnya elemen penghargaan dan pujian daripada pihak urusetia dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP tersebut.

Rumusan bagi item urusetia program :

Pengakuan responden yang melibatkan item urusetia program ini boleh dilakarkan melalui graf berikut :

:



Rajah 4.4 Graf Menunjukkan Elemen Motivasi Dakwah Pada Urusetia Program.

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Rajah 4.4 di atas menunjukkan wujudnya elemen-elemen yang dibahaskan dalam sikap dan budi bicara urusetia program dengan jumlah peratusan nilai yang baik iaitu 72.93% (jumlah bagi 73.2% + 65.9% + 79.7%) responden yang menyatakan “Ya”, manakala 27.07% (jumlah bagi 26.8% + 34.1% + 20.3%) yang menyatakan “Tidak”.

Elemen “mesra pelanggan” seperti juga elemen “mesra belajar” yang merupakan sebahagian daripada item untuk mencapai suatu kepuasan (sila lihat 2.5.1.(e) Elemen pencapaian dan rasa kepuasan, h. 83). Elemen “mesra pelanggan” telah lama menjadi slogan dan budaya penting yang sentiasa dititikberatkan dalam sistem pengurusan di seluruh kampus UiTM. Pencapaian 73.2% dalam program KKDP menggambarkan tahap yang baik namun belum mencapai tahap yang cemerlang.

Merujuk kepada urusan pengendalian kebijakan bagi para peserta pula, persetujuan peserta sekadar 65.9% sahaja. Pencapaian ini adalah dalam tahap sederhana berbanding elemen “mesra pelanggan” dan juga elemen pujian dan penghargaan. Kajian ini percaya pencapaian ini dipengaruhi oleh faktor masa, peruntukan kewangan, pilihan lokasi, tentatif program malah yang melibatkan pegawai urusetia itu sendiri yang tidak serupa di antara satu fakulti dengan fakulti

yang lain.. Semua faktor tersebut boleh mempengaruhi para peserta sehingga layanan pihak urusetia ada yang dianggap kurang memuaskan hati mereka.

Dari sudut pujian dan penghargaan pula peratusan persetujuan mendapat skor 79.7%. Paparan ini memperlihatkan elemen pujian dan penghargaan termasuk dalam amalan positif pihak urusetia untuk menyuntik dorongan para peserta (sila lihat 2.5.2.(b) Elemen pengiktirafan, h. 90). Memang menjadi kebiasaan sesuatu pujian diberikan kepada peserta atas sesuatu reaksi sebagai penghargaan bagi yang telah berjaya dan dari sudut yang lain pula sebagai galakan kepada yang belum berjaya.

Peratusan persetujuan keseluruhan **72.93%** (jumlah bagi 73.2% + 65.9% + 79.7%) menggambarkan item urusetia program agak kurang popular berbanding item-item sebelum ini walaupun masih di dalam kategori yang baik. Akhirnya, penilaian responen di atas adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.5 Peserta Program :

Penilaian daripada 123 orang responden bagi elemen motivasi dakwah yang terdapat pada item peserta program dipaparkan seperti jadual di bawah.

Jadual 4.5 Penilaian Responden Terhadap Elemen Motivasi Dakwah Pada Peserta Program.

Soalan	Elemen Motivasi Dakwah	Ya		Tidak	
		Frek	%	Frek	%
13.	Memahami elemen kendiri	108	87.8	15	12.2
14.	Merasa seronok, <i>enjoy</i> dan ceria	104	84.6	19	15.4
15.	Elemen hukuman dan denda	65	52.8	58	47.2
Jumlah			75.06		24.93

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Jadual 4.5 di atas telah memaparkan beberapa elemen motivasi yang berkaitan dengan item peserta program seperti berikut :

4.3.5.(a) Memahami Elemen Kendiri.

Seramai 108 responden (87.8%) dalam penilaianya telah menjawab "Ya" iaitu responden bersetuju bahawa para peserta telah memahami tuntutan elemen kendiri (mengendalikan sendiri) urusan pembinaan motivasi dirinya, berbanding 15 responden (12.2%) yang menjawab "Tidak".

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 13 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 13 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 108 responden (87.8%) berkaitan wujudnya elemen kendiri dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** (mewakili) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.5.(b) Merasa Seronok, *Enjoy* dan Ceria.

Seramai 104 responden (84.6%) dalam penilaianya telah pun menjawab "Ya" iaitu di sepanjang program berlangsung para peserta dapat merasai elemen seronok, *enjoy* dan ceria, berbanding 19 responden (15.4%) yang telah menjawab "Tidak".

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 14 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya

berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 14 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 104 responden (84.6%) berkaitan wujudnya elemen seronok, *enjoy* dan ceria dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** (mewakili) bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.5.(c) Hukuman dan Denda.

Seramai 65 responden (52.8%) dalam penilaianya telah pun menjawab "Ya" iaitu bersetuju menyatakan wujudnya elemen hukuman atau denda kepada para peserta program, berbanding 58 responden (47.2%) yang telah menyatakan "Tidak".


Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 15 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 15 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 65 responden (52.8%) berkaitan wujudnya elemen hukuman atau denda dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan bagi item peserta program :

Pengakuan responden yang melibatkan item peserta program ini boleh dilakarkan melalui graf berikut :

:



Rajah 4.5 Graf Menunjukkan Elemen Motivasi Dakwah Pada Peserta Program.

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Rajah 4.5 di atas menunjukkan wujudnya elemen-elemen yang dibahaskan dalam item yang melibatkan peserta program dengan jumlah peratusan nilai yang baik iaitu 75.06 % (jumlah bagi 87.8% + 84.6% + 52.8%) responden yang menyatakan "Ya", manakala 24.93 % (jumlah bagi 12.2% + 15.4% + 47.2%) yang menyatakan "Tidak".

Paparan bagi item peserta program di atas menggambarkan elemen kendiri (87.8%) telah mencapai tahap persetujuan tertinggi berbanding elemen seronok, *enjoy* dan ceria (84.6%) dan elemen hukuman dan denda (52.8%).

Nilai peratusan yang baik bagi elemen kendiri (87.8%) menggambarkan responden dapat menerima dan memahami sesuatu konsep dengan baik, namun dari sudut penghayatan menurut kajian Douglas sekitar 80% daripada kalangan pelajar masih jahil tentang tanggungjawabnya (gagal menghayati elemen kendiri) malah dalam konteks yang lain 92% masih suka menaruh rasa bimbang dalam perkara-perkara yang tidak mampu dikawal serta boleh membina sakanan (sila lihat 2.3.1.(a) Dari sudut kelemahan, h. 49-50). Dalam konteks penghayatan di kalangan peserta KKDP pula, hasil kajian observasi (sila lihat jadual 3.2 Elemen motivasi melalui metode observasi dengan menggunakan senarai semak, h.114) memperlihatkan item kendiri mendapat skor yang rendah iaitu 82 markah

(63.3%) daripada keseluruhan markah penuh 120, nilai ini memberikan gambaran bahawa elemen kendiri lebih cemerlang jika di lihat dari sudut teori tetapi lemah dari sudut aplikasi.

Laporan daripada temubual dengan wakil kaunselor pula (sila lihat Persepsi daripada wakil kaunselor, h.108) menyatakan bahawa tiada pelajar yang sukakan kegagalan namun realitinya ramai pelajar yang gagal atau yang lesu di tengah jalan dan persepsi gagal itu pula sepatutnya tidak hanya dilihat dari sudut *exam* sahaja. Persepsi ini menggambarkan tentang betapa pentingnya elemen kendiri ini bagi seseorang pelajar.

Merujuk kepada nilai skor (84.6%) bagi elemen seronok, *enjoy* dan ceria di sepanjang program berjalan menggambarkan persetujuan yang baik daripada responden (sila lihat 2.5.1.(e) Elemen pencapaian dan rasa kepuasan, h. 83). Pencapaian ini disebabkan oleh pendekatan program yang menekankan kepada nilai keceriaan dan kecemerlangan diri. Pencapaian di atas juga menggambarkan responden telah mendapat manfaat daripada penglibatannya dalam program KKDP khususnya bagi mereka yang sering menghadapi pelbagai tekanan umpamanya masalah bebanan pelajaran, tindakan tatatertib, pencapaian CGPA dan sebagainya.

Persetujuan (52.8%) responden dalam elemen hukuman atau denda kepada para peserta program jika mereka melakukan sesuatu kesalahan, melanggar disiplin, ponteng solat dan sebagainya pula menggambarkan elemen hukuman ini tetap wujud dalam KKDP namun dalam skop yang begitu minima. Elemen hukuman termasuk elemen yang penting dalam pembinaan motivasi (sila lihat 2.5.2.(e) Elemen hukuman, h. 95). Pentingnya elemen ini kerana fitrah manusia terdedah kepada melakukan kesilapan dan kesalahan, walaupun demikian proses perlaksanaannya haruslah mengikut ketetapan yang diperintahkan oleh Islam.

Peratusan persetujuan keseluruhan 75.06 % (jumlah bagi 87.8% + 84.6% + 52.8%) menggambarkan item peserta program berada di dalam kategori yang baik. Akhirnya, melalui penilaian responen di atas adalah *valid* dan *signifikan* untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.6 Agenda Program :

Penilaian daripada 123 orang responden bagi elemen motivasi dakwah yang berkaitan dengan agenda program adalah seperti dipaparkan dalam jadual berikut.

Jadual 4.6 Penilaian Responden Terhadap Elemen Motivasi Dakwah Pada Agenda Program.

Soalan	Elemen Motivasi Dakwah	Ya		Tidak	
		Frek	%	Frek	%
16.	Memenuhi misi universiti	96	78.0	27	22.0
17.	Mencukupi untuk memotivaskan diri	104	84.6	19	15.4
18.	Mematuhi disiplin masa	92	74.8	31	25.2
Jumlah			79.13		20.87

Sumber : Soal selidik **Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak**, tahun 2003

Jadual 4.6 di atas telah menampilkan beberapa elemen motivasi yang melibatkan item agenda program iaitu :

4.3.6.(a) Memenuhi Misi Universiti.

Seramai 96 responden (78.0%) dalam penilaianya telah menjawab "Ya" iaitu bersetuju bahawa agenda program telah memenuhi kehendak dan misi universiti iaitu "untuk melahirkan generasi yang bertakwa", berbanding 27 responden (22.0%) yang menjawab "Tidak".

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 16 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 16 dalam Lampiran E).

:

Sebagai rumusan, penilaian daripada 96 responden (78.0%) berkaitan dengan agenda program untuk memenuhi kehendak dan misi universiti dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.6.(b) Mencukupi Untuk Memotivasi Diri.

Seramai 104 responden (84.6%) dalam penilaiannya telah menjawab "Ya" iaitu bersetuju bahawa agenda program telah memenuhi keperluan untuk memotivasi diri para peserta program, berbanding 19 responden (15.4%) yang menjawab "Tidak".

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 17 dalam Lampiran E) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 17 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 104 responden (84.6%) yang telah bersetuju bahawa agenda program yang ada telah memenuhi keperluan untuk memotivasi diri para peserta dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.3.6.(c) Mematuhi Disiplin Masa.

Seramai 92 responden (74.8%) dalam penilaiannya telah menjawab "Ya" iaitu bersetuju menyatakan bahawa agenda program telah disempurnakan dengan baik mengikut disiplin masa yang telah ditetapkan, berbanding 31 responden (25.2%) yang menjawab "Tidak".


Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 18 dalam Lampiran E) yang

berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 18 dalam Lampiran E).

Sebagai rumusan, penilaian 92 responden (74.8%) menggambarkan bahawa agenda program tersebut telah disempurnakan dengan baik mengikut disiplin masa yang telah ditetapkan dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk membuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan bagi item agenda program :

Pengakuan responden yang melibatkan item agenda program ini boleh dilakarkan melalui graf seperti berikut :



Rajah 4.6 Graf Menunjukkan Elemen Motivasi Dakwah Pada Agenda Program.

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Rajah 4.6 di atas menunjukkan bahawa elemen motivasi dakwah memang wujud dalam agenda program KKDP dengan jumlah peratusan nilai yang baik iaitu 79.13 % (jumlah bagi 78.0% + 84.6% + 74.8%) responden yang menyatakan "Ya", manakala 20.87 % (jumlah bagi 22.0% + 15.4% + 25.2%) yang menyatakan "Tidak".

Pencapaian bagi agenda program yang berkaitan dengan memenuhi kehendak dan misi universiti iaitu untuk melahirkan generasi yang bertakwa mendapat skor (78.0%). Penilaian ini menggambarkan responden peka dan faham terhadap hasrat serta matlamat misi tersebut (sila lihat Lampiran B). Generasi yang bertakwa bermaksud yang memiliki kualiti keterampilan luaran dan dalaman (sila lihat 2.4.5 Asas falsafah dalam motivasi dakwah). Antara sebab persetujuan tersebut ialah kerana responden telah seringkali diperingatkan dengan misi ini sejak mereka menjakkan kaki ke universiti ini.

Persetujuan (84.6%) responden bahawa agenda program telah memenuhi keperluan untuk memotivaskan diri para peserta program menggambarkan keyakinan responden terhadap program KKDP tersebut. Seterusnya responden menaruh harapan semoga kehangatan roh motivasinya akan berkekalan hingga mereka mencapai kecemerlangan dalam pekerjaan kelak.

Penilaian (74.8%) responden terhadap agenda program yang perlu disempurnakan dengan baik mengikut disiplin masa menggambarkan keprihatinan semua pihak terhadap objektif dan matlamat program iaitu untuk membina kecemerlangan diri. Penilaian yang baik itu juga menggambarkan item masa dapat diurus dengan memuaskan lantaran tentatif program tidak mengabaikan waktu solat fardu di samping menyelitkan kuliah Maghrib dan muhasabah Subuh. Kesempurnaan disiplin juga dikaitkan dengan penyediaan para pemantau program yang terdiri daripada kalangan pemimpin pelajar atau peserta sukarela (sila lihat *foonote no.6* dlm. bab tiga)

Peratusan persetujuan keseluruhan 79.13 % (jumlah bagi 78.0% + 84.6% + 74.8%) responden menggambarkan item agenda program berada pada tahap baik dan memuaskan. Akhirnya, penilaian di atas adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan Bagi Semua Elemen Motivasi Dakwah :

Maklum balas daripada 123 orang responden berkaitan elemen motivasi dakwah dicatatkan seperti di bawah :

Jadual 4.7 Penilaian Responden Terhadap Semua Elemen Motivasi Dakwah.

Soalan	Elemen Motivasi Dakwah	Ya		Tidak	
		Frek	%	Frek	%
1.	Prihatin,sabar dan persiapan diri	106	86.2	17	13.8
2.	Membina dan membetulkan hati	104	84.6	19	15.4
3.	Kesedaran berusaha dan berdoa	93	75.6	30	24.4
4.	Kemahiran dalam bidang motivasi	87	70.7	36	29.3
5.	Menjadi sumber inspirasi	107	87.0	16	13.0
6.	Peluang pada masa akan datang	105	85.4	18	14.6
7.	Kecemerlangan sebagai asas	109	88.6	14	11.4
8.	Mengamalkan elemen "ihsan"	107	87.0	16	13.0
9.	Pemberian sijil penyertaan program	83	67.5	40	32.5
10.	Budaya "mesra pelanggan"	90	73.2	33	26.8
11.	Kebajikan kepada para peserta	81	65.9	42	34.1
12.	Pujian dan penghargaan	98	79.7	25	20.3
13.	Memahami elemen kendiri	108	87.8	15	12.2
14.	Merasa seronok, <i>enjoy</i> dan ceria	104	84.6	19	15.4
15.	Hukuman dan denda	65	52.8	58	47.2
16.	Memenuhi misi universiti	96	78.0	27	22.0
17.	Mencukupi untuk memotivasikan diri	104	84.6	19	15.4
18.	Mematuhi disiplin masa	92	74.8	31	25.2
Jumlah			78.56		21.44

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Jadual 4.7 di atas memaparkan aliran penilaian 123 orang responden bagi semua elemen motivasi. Sebanyak 78.56% telah bersetuju menyatakan "Ya", manakala 21.44% menyatakan "Tidak". Oleh itu dapat dinyatakan di sini dengan merujuk kepada soalan kajian dalam bab satu tentang apakah wujud elemen motivasi dakwah dalam program KKDP, ternyata bahawa sekitar 79% responden mengakui wujudnya elemen-elemen tersebut dengan tahap nilai yang memuaskan.

Rumusan ini juga mencatatkan, penilaian bagi semua elemen motivasi di atas mempunyai nilai **signifikan .000** iaitu pada tahap yang **memuaskan**, oleh itu nilai tersebut adalah **valid** dan **signifikan** untuk membuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.4 RELEVANSI MOTIVASI DAKWAH :

Penilaian daripada 123 orang responden bagi membahaskan item yang berkaitan dengan relevansi motivasi dakwah dipaparkan seperti dalam jadual berikut.

Jadual 4.8 Penilaian Responden Terhadap Relevansi Motivasi Dakwah.

Soalan	Relevansi Motivasi Dakwah	Ya		Tidak	
		Frek	%	Frek	%
19.	Memahami hakikat sebenar diri	113	91.9	10	8.1
20.	Memotivasi dengan elemen kerohanian	19	15.4	104	84.6
21.	Peluang menentukan program motivasi	113	91.9	10	8.1
Jumlah			66.4		33.6

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak* . tahun 2003

Jadual 4.8 di atas telah menampilkan tiga item yang akan membicarakan isu tersebut :

4.4.1 Memahami Hakikat Sebenar Diri .

Item ini memaparkan tentang betapa pentingnya dalam setiap program motivasi difokuskan kepada elemen memahami hakikat dirinya yang sebenar, ia membawa maksud mengenali sejauhmana elemen kekuatan dan kelemahan dirinya (*strength and weaknesses*) agar mereka boleh dibangunkan mengikut acuan yang sepatutnya. Seramai 113 responden (91.9 %) dalam penilaianya telah bersetuju untuk menyatakan “Ya”, manakala 10 responden (8.1 %) lagi menyatakan “Tidak”.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 19 dalam Lampiran F) yang berbentuk *bell-shaped* (, normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya

berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 19 dalam Lampiran F).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 113 responden (91.9%) berkaitan dengan item memahami hakikat sebenar diri dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.4.2 Memotivasi Manusia Dengan Elemen Kerohanian.

Item yang cuba ditonjolkan dalam soalan ke 20 ini dipaparkan dalam bentuk negatif mengenai usaha memotivasi manusia tanpa mengaplikasikan elemen kerohanian. Penilaian daripada 123 responden telah dipaparkan melalui 19 responden (15.4%) yang telah menyatakan “Ya”, berbanding dengan 104 responden (84.6%) yang menyatakan “Tidak”.

Paparan di atas memperlihatkan responden membuat suatu penegasan bahawa tanpa elemen kerohanian sesuatu usaha motivasi akan menemui jalan buntu atau tidak berjaya memotivasi manusia dalam bentuk yang dijamin kesempurnaananya.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 20 dalam Lampiran F) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 20 dalam Lampiran F).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 104 responden (84.6%) tentang perlunya elemen kerohanian dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.4.3 Peluang Menentukan Program Motivasi.

Item ini memberi peluang kepada responden untuk menentukan pendiriannya bagi sesuatu program motivasi yang mereka ingin usahakan sama ada akan mengetengahkan elemen kerohanian (elemen Islam) dalam program tersebut atau pun sebaliknya.


Seramai 113 responden (91.9%) dalam penilaianya telah menjawab "Ya" iaitu bersetuju untuk mengetengahkan elemen kerohanian dalam program tersebut, berbanding 10 responden (8.1%) yang menjawab "Tidak".

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 21 dalam Lampiran F) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 21 dalam Lampiran F).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 113 responden (91.9%) tersebut menggambarkan kesediaan mereka untuk mengetengahkan elemen kerohanian atau elemen Islam dalam program motivasi yang ingin dikendalikannya. Nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk membuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan Bagi Item Relevansi Motivasi Dakwah.

Pengakuan responden mengenai relevansi motivasi dakwah ini boleh dilakukan melalui graf berikut.



Rajah 4.7 Graf Menunjukkan Relevansi Motivasi Dakwah

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UITM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Rajah 4.7 di atas memaparkan bahawa pencapaian bagi soalan 19 dan 21 membuktikan keyakinan penuh responden terhadap relevannya motivasi dakwah dengan nilai **91.9%** yang merujuk kepada elemen hakikat diri, manakala kesediaannya untuk mengetengahkan elemen kerohanian (Islam) juga dengan nilai yang serupa iaitu **91.9%** .

Pencapaian 91.9% berkaitan item memahami hakikat sebenar diri menggambarkan ia termasuk agenda utama bagi kehidupan manusia. Manusia ada potensi untuk jadi cemerlang (sila lihat Mohd. Yusof Othman *footnote* no.113 dlm bab dua). Manusia yang tidak prihatin dengan agenda tersebut sering terjebak dengan pelbagai gejala sosial yang membawa kepada kelemahan peribadi dan intelektualnya (sila lihat Mohd. Kamal Hasan *footnote* no.97 dlm bab dua). Oleh yang demikian elemen memahami hakikat sebenar diri memang amat relevan untuk diketengahkan dalam setiap program motivasi.

Pencapaian seterusnya bagi item pertimbangan dan budi bicara sekiranya diberi peluang untuk menentukan program motivasi mendapat skor 91.9%. Paparan ini menunjukkan responden sudi berkongsi kesediaan tentang perlunya elemen kerohanian diketengahkan dalam program motivasi. Justifikasi

keperluannya ialah kerana dunia pelajar sering berdepan dengan pelbagai cabaran, antaranya ialah isu delinkuen (sila lihat *footnote* no.104 dlm bab dua). Demikian juga jika merujuk kepada cerapan observasi memperlihatkan bahawa kriteria yang berkaitan elemen kerohanian (fokus kepada solat) mendapat 60 markah (50%) manakala dalam penampilan syahsiah pula mendapat 66 markah (55%) (sila lihat Dapatan Senarai Semak, bab tiga, h. 114).

Mengenai soalan ke-20 pula, responden memahami cara pendekatan soalan yang berbentuk negatif dengan memperlihatkan nilai dapatan sebanyak **84.6%** (yang memihak kepada elemen kerohanian). Gambaran ini memperlihatkan responden memahami bahawa tanpa penekanan kepada elemen kerohanian sesuatu program motivasi tidak mampu membentuk manusia dalam erti kata yang sempurna. Justifikasi kepada keperluannya kerana kajian Noraini Ismail menyatakan pelajar yang solat sehari semalam lima waktu hanya melibatkan 49% sahaja (sila lihat *footnote* no.96 dan 98 dlm bab dua)

Merujuk kepada nilai skor pada tahap yang memuaskan seperti di atas ia menjadi bukti responden bersetuju bahawa motivasi dakwah **tetap relevan** bagi setiap program motivasi dalam kerangka pembinaan insan pada setiap masa dan ketika.

Akhirnya, dengan merujuk kepada soalan kajian dalam bab satu yang membicarakan tentang relevansi motivasi dakwah untuk diimplementasikan dalam program motivasi pada masa kini dan juga akan datang, ternyata bahawa keputusannya adalah dalam kategori yang memuaskan iaitu **89.47%** (91.9% + 91.9% + 84.6%)

Analisa bagi semua penilaian di atas mempunyai nilai **signifikan .000** iaitu pada tahap yang **memuaskan**, oleh itu nilai tersebut adalah **valid** dan **signifikan** untuk membuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.5 PERANAN MOTIVASI DAKWAH DALAM MENINGKATKAN KECEMERLANGAN PELAJAR :

Merujuk kepada peranan tersebut, sebanyak tiga item telah digunakan untuk mengukur tahap persetujuan responden : pertamanya mengenai peranan motivasi intrinsik yang diharapkan boleh membina *internal force* (perkara berkaitan boleh dirujuk dalam bab dua melalui tajuk “motivasi intrinsik”), seterusnya pendekatan *sirah* untuk membina keyakinan dan identiti diri (contoh *sirah* boleh dirujuk dalam bab dua dalam tajuk “elemen motivasi dakwah”) dan akhirnya pendekatan taharah untuk membina imej bersih lagi suci (fokus taharah ialah kepada kesucian rohani daripada dosa dan maksiat, kejelasan minda serta kebersihan cara berfikir daripada ancaman ism-ism yang sekular).

Pencerapan ini menggunakan Skala Likert yang mempunyai 5 peringkat nilai daripada nilai 1 hingga 5 seperti berikut :

Nilai 5 : Sangat Setuju

Nilai 4 : Setuju

Nilai 3 : Kurang Setuju

Nilai 2 : Tidak Setuju

Nilai 1 : Sangat Tidak Setuju

Penilaian daripada 123 orang responden bagi melihat isu ini dipaparkan seperti jadual di bawah.

Jadual 4.9 Penilaian Responden Terhadap Peranan Motivasi Dakwah.

Soalan	Peranan Motivasi	1 Frek	%	2 Frek	%	3 Frek	%	4 Frek	%	5 Frek	%	Min
22.	<i>Internal force</i>	30	24.4	47	38.2	30	24.4	16	13.0	0	.0	3.74
23.	Identiti mulia	26	21.1	63	51.2	34	27.6	0	.0	0	.0	3.94
24.	Imej bersih/suci	37	30.1	40	32.5	38	30.9	8	6.5	0	.0	3.86
Jumlah												11.54

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Jadual 4.9 di atas telah menampilkan tiga bentuk perbincangan yang dapat menggambarkan peranan motivasi dakwah :

4.5.1 Membina *Internal force*.

Pendekatan ini memaparkan agar motivasi intrinsik lebih banyak diketengahkan dalam setiap program motivasi kerana ia diyakini dapat menjadi *internal force* untuk meningkatkan kecemerlangan pelajar. Skor berbentuk positif yang melibatkan nilai **62.6%** (termasuk “Sangat Setuju” 24.4% dan “Setuju” 38.2%) telah membuktikan persetujuan mereka, berbanding skor berbentuk negatif dengan nilai **37.4%** (termasuk “Kurang Setuju” 24.4%, “Tidak Setuju” 13.0% dan “Sangat Tidak Setuju” .0%).

Persetujuan responden juga dapat diukur melalui jumlah nilai **min** sebanyak **3.74** (**74.8%**) yang berada pada tahap **memuaskan** daripada nilai maksimum min 5.00 (1 item x 5 nilai). Jumlah nilai min yang **memuaskan** terletak antara **3.00** (**60%**) hingga **4.00** (**80%**).

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 22 dalam Lampiran G) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap **.000** iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 22 dalam Lampiran G).

Sebagai rumusan, penilaian berbentuk positif berkaitan pendekatan motivasi intrinsik melalui **77** responden (**62.6%**) dengan nilai signifikan **.000** adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.5.2 Membina Identiti Mulia.

Memandangkan eleh̄en positif dalam *sīrah* banyak dipaparkan oleh sumber wahyu maka penerapan contoh-contoh daripada *sīrah* yang mengandungi nilai

pengorbanan, keyakinan, motivasi dan sebagainya boleh menggambarkan peranan motivasi dakwah untuk membina sesuatu kecemerlangan.

Pendekatan seperti di atas dalam KKDP boleh membantu menyuntik kesedaran di samping membina identiti mulia para pelajar. Persetujuan responden dinilai melalui skor 72.3% yang berbentuk positif (termasuk "Sangat Setuju" 21.1% dan "Setuju" 51.2%) berbanding nilai skor negatif 27.6% (termasuk "Kurang Setuju" 27.6%, "Tidak Setuju" .0% dan "Sangat Tidak Setuju" .0%).

Persetujuan responden juga dapat dilihat berdasarkan jumlah nilai **min** sebanyak 3.94 (78.8%) yang berada pada tahap **amat memuaskan** daripada nilai maksimum min 5.00 (1 item x 5 nilai).

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 23 dalam Lampiran G) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 23 dalam Lampiran G).

Sebagai rumusan, penilaian daripada 89 responden (72.3%) berkaitan persetujuannya terhadap elemen *sīrah* dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP tersebut.

4.5.3 Membina Imej Bersih dan Suci.

Pendekatan motivasi yang memberi fokus kepada taharah dalaman diyakini boleh membina imej bersih dan suci ; suci rohani daripada maksiat dan dosa, bersih minda serta cara berfikir daripada pengaruh ism-ism yang sekular dan seumpamanya. Skor 62.6% yang memilih sikap positif (termasuk "Sangat Setuju" 30.1% dan "Setuju" 32.5%) telah mengatasi skor berbentuk negatif 37.4% (termasuk "Kurang Setuju" 30.9%, "Tidak Setuju" 6.5% dan "Sangat Tidak Setuju" .0%).


Persetujuan responden juga dapat diukur melalui jumlah nilai min sebanyak 3.86 (77.2%) yang juga berada pada tahap **amat memuaskan** daripada nilai maksimum min 5.00 (1 item x 5 nilai).

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 24 dalam Lampiran G) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 24 dalam Lampiran G).

Sebagai rumusan, persetujuan 77 responden (62.6%) dalam usaha membina imej bersih dan suci dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan Bagi Peranan Motivasi Dakwah Dalam Meningkatkan Kecemerlangan Pelajar :

Pengakuan responden yang melibatkan ketiga-tiga item bagi peranan motivasi dakwah ini boleh dilakarkan melalui graf berikut :



Rajah 4.8 Graf Menunjukkan Item-Item Bagi Peranan Motivasi Dakwah Dalam Meningkatkan Kecemerlangan Pelajar.

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Rajah 4.8 di atas memperlihatkan ketiga-tiga item tersebut diterima oleh responden sebagai instrumen penting dalam pendekatan motivasi dakwah kerana peratusan bagi “Sangat Setuju” dan “Setuju” berjumlah 65.83%, berbanding 34.13% bagi “Kurang Setuju”, “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju”.

Persetujuan 62.6% responden (tahap sederhana) mengenai usaha-usaha mengetengahkan motivasi dalaman dalam program motivasi menggambarkan kesediaan mereka untuk menerima pendekatan Islam lantaran Islam merupakan agama yang banyak menekankan kepada pembinaan dalaman (sila lihat 2.2.3.(e) Teori motivasi intrinsik, h. 42. Lihat juga 2.5.1 Motivasi intrinsik, h.77). Penekanan kepada motivasi berbentuk dalaman lebih lama bertahan dalam diri seseorang berbanding sekadar motivasi luaran (sila lihat x. Peneguhan sebagai pengilap motivasi, dlm bab dua, h. 29).

Persetujuan 72.3% responden (tahap baik) mengenai item *sīrah* menggambarkan item tersebut diterima baik sebagai pencetus kepada pembinaan identiti mulia. Sesuatu pengisian yang diselitkan dengan elemen *sīrah* sama ada atas hasrat untuk “mencuri tumpuan” pendengar atau untuk pembinaan melalui teladan dan seumpamanya, ia tetap diminati oleh pendengar. Oleh itu metode ini perlu diaplikasi sebaik mungkin untuk menerapkan elemen motivasi bagi membina identiti mulia diri (bab dua dalam disertasi ini banyak menyelitkan contoh-contoh elemen *sīrah* sebagai asas bagi pembuktian sesuatu fakta).

Persetujuan 62.6% responden (tahap sederhana) mengenai item taharah pula menggambarkan item tersebut masih menjadi pilihan yang mampu merubah atau memperbaiki sikap-sikap negatif yang mereka miliki (sila lihat Azizan Baharuddin, *footnote* no.143, h.63. Lihat juga 2.5.1 Motivasi intrinsik, h.77 yang banyak membicarakan tentang item dalaman yang difokuskan kepada skop dan peranannya).

Statistik deskriptif yang melibatkan kombinasi bagi ketiga-tiga item yang dinilai telah mencatatkan jumlah nilai **min 11.54** (76.9%) iaitu dalam tahap **memuaskan** daripada jumlah maksimum 15.00 (3 item x 5 nilai). Ini menggambarkan responden telah bersetuju dengan nilai intrinsik dan peranan

yang dimainkan seperti melahirkan kesedaran, mencetuskan keprihatinan dan pengorbanan, membina identiti mulia serta membina imej yang bersih lagi suci pada tahap yang memuaskan.

Merujuk kepada dapatan melalui observasi sama ada melalui catatan Rekod Anekdot (sila lihat Kaedah Rekod Anekdot dlm. bab tiga, h.110) atau Kaedah Senarai Semak (sila lihat Dapatkan Senarai Semak dlm. bab tiga, h. 114) menggambarkan analisa yang hampir serupa iaitu nilai motivasi dalam masih berada pada tahap yang sederhana (minima) walaupun dikategorikan sebagai memuaskan. Gambaran ini memperlihatkan bahawa dari sudut aplikasi atau praktikal masih berada pada kategori yang lemah.

Merujuk kepada dapatan daripada temubual pula kajian ini mendapati kebanyakannya daripada kalangan responden yang ditemubual sekadar meletakkan harapan tentang sesuatu yang positif daripada pendekatan motivasi dakwah ini (sila lihat 3.4.2.(a) Metode Temubual, h. 106-109). Oleh itu kajian ini berpendapat sekiranya tumpuan kepada motivasi intrinsik ini dapat dilakukan dengan sempurna dan lebih bersistematik maka dapatan peratusannya diyakini akan menunjukkan peningkatan yang lebih baik.

Merujuk kepada nilai signifikan .000 iaitu pada tahap yang **memuaskan** maka ia adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Akhirnya, dengan merujuk kepada soalan kajian dalam bab satu yang membincarakan tentang peranan yang boleh dimainkan oleh motivasi dakwah untuk mengisi ruang dan skop yang diberikan dalam menjayakan matlamat sesuatu program motivasi, ternyata bahawa keputusannya adalah **memuaskan** tetapi dalam peringkat yang **minima (65.83%)**.

4.6 MOTIVASI DAKWAH DALAM BENTUK PRAKTIKAL :

Merujuk kepada perkara di atas, sebanyak tiga item telah digunakan untuk mengukur tahap perkembangan motivasi dakwah dalam bentuk praktikal di sepanjang program KKDP tersebut berlangsung. Skop pencerapan ini melibatkan item-item seperti budi bicara para peserta KKDP di sepanjang program dalam bentuk ikatan dan hubungan ukhuwah (persaudaraan Islam), seterusnya yang melibatkan praktikal ucapan salam dan akhirnya melalui elemen penghayatan Islam secara keseluruhannya.

Pendekatan yang digunakan dalam pencerapan ini ialah dengan menggunakan Skala Likert yang mempunyai 5 peringkat nilai daripada nilai 1 hingga 5 iaitu seperti berikut :

Nilai 5 : Sangat Baik

Nilai 4 : Baik

Nilai 3 : Kurang Baik

Nilai 2 : Tidak Baik

Nilai 1 : Sangat Tidak Baik

Penilaian daripada 123 orang responden bagi melihat isu ini dipaparkan seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 4.10 Penilaian Responden Terhadap Motivasi Dakwah Dalam Bentuk Praktikal.

Soalan	Praktikal Motivasi	1 Frek %	2 Frek %	3 Frek %	4 Frek %	5 Frek %	Min
25.	Ukuhwah	8 6.5	58 47.2	51 41.5	5 4.1	1 .8	3.54
26.	Salam	8 6.5	52 42.3	58 47.2	5 4.1	0 .0	3.51
27.	Penghayatan	11 8.9	59 48.0	44 35.8	9 7.3	0 .0	3.59
Jumlah							10.64

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Jadual 4.10 di atas telah menampilkan tiga pendekatan item yang akan membincarakan isu tersebut :

4.6.1 Praktikal Ikatan Ukhuhwah .

Perkembangan item ikatan ukhuwah dalam bentuk praktikal menunjukkan peratusan yang kurang menggalakkan. Hasil dapatan berbentuk positif sekadar **53.7%** (termasuk “Sangat Baik” 6.5% dan “Baik” pula 47.2%) dan berada pada tahap **sederhana**, berbanding skor negatif **46.4%** (termasuk “Kurang Baik” 41.5%, “Tidak Baik” 4.1% dan “Sangat Tidak Baik” .8%).

Walaupun demikian paparan jumlah nilai **min 3.54** (70.8%) masih lagi berada pada tahap yang **memuaskan** daripada nilai maksimum min 5.00 (1 item x 5 nilai). Oleh itu, gambaran situasi ini menunjukkan tahap hubungan dan ikatan ukhuwah di kalangan para peserta di sepanjang program secara umumnya berjalan dalam bentuk yang kurang menggalakkan dan tidak ceria.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 25 dalam Lampiran H) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap **.000** iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 25 dalam Lampiran H).

Sebagai rumusan, penilaian berbentuk positif tentang tahap praktikal item ukhuwah melalui 66 responden (53.7%) dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.6.2 Praktikal Ucapan Salam.

Merujuk kepada item ucapan salam pula, ia memperlihatkan komen dan luahan rasa tidak puas’hati responden dari sudut implementasinya di kalangan para peserta KKDP. Dapatan berbentuk positif berada di bawah paras

memuaskan dengan pencapaian sekadar **48.8%** (termasuk “Sangat Baik” 6.5% dan “Baik” pula 42.3%) berbanding skor berbentuk negatif **51.3 %** (termasuk “Kurang Baik” 47.2% dan “Tidak Baik” 4.1%).

Walaupun demikian paparan jumlah nilai min **3.51** (70.24%) masih lagi berada pada tahap yang **memuaskan** daripada nilai maksimum min 5.00 (1 item x 5 nilai). Gambaran di atas menunjukkan praktikal ucapan salam di kalangan para peserta di sepanjang program berlangsung berjalan dalam bentuk yang tidak begitu menggalakkan.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 26 dalam Lampiran H) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap **.000** iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 26 dalam Lampiran H).

Sebagai rumusan, penilaian berbentuk positif berkaitan praktikal ucapan salam melalui 60 responden (48.8%) dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

4.6.3 Praktikal Penghayatan Islam.

Merujuk kepada tahap praktikal penghayatan Islam, ia juga memperlihatkan ketidakpuashatian responden dari sudut implementasinya di kalangan para peserta KKDP. Dapatan berbentuk positif berada pada tahap **sederhana** **56.9%** (termasuk “Sangat Baik” 8.9% dan “Baik” 48.0%), berbanding skor berbentuk negatif **43.1 %** (termasuk “Kurang Baik” 35.8% dan “Tidak Baik” 7.3%).


Walaupun demikian, jumlah nilai min **3.59** (71.8 %) masih berada pada tahap yang **memuaskan** daripada nilai maksimum min 5.00 (1 item x 5 nilai). Gambaran di atas menunjukkan elemen penghayatan Islam di kalangan para peserta berjalan dalam suasana yang tidak seindah seperti yang sepatutnya.

Untuk menentukan generalisasinya kepada seluruh populasi kajian, rajah histogram (sila rujuk histogram bagi soalan 27 dalam Lampiran H) yang berbentuk *bell-shaped* (normal) membolehkan analisa kajian menggunakan *Nonparametric Tests* untuk melihat nilai signifikannya. Nilai signifikannya berada pada tahap .000 iaitu pada tahap **memuaskan** (sila rujuk nilai signifikan bagi soalan 27 dalam Lampiran H).

Sebagai rumusan, penilaian berbentuk positif mengenai tahap implementasi penghayatan Islam melalui 70 responden (56.9%) dengan nilai signifikan .000 adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Rumusan Bagi Motivasi Dakwah Dalam Bentuk Praktikal :

Pengakuan responden yang melibatkan ketiga-tiga item bagi melihat motivasi dakwah secara praktikal ini boleh dilakukan melalui graf berikut :



Rajah 4.9 Graf Menunjukkan Item-Item Motivasi Dakwah Dalam Bentuk Praktikal.

Sumber : Soal selidik *Elemen Motivasi Dakwah Dalam Kursus Kecemerlangan Diri Pelajar Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak*, tahun 2003

Rajah 4.9 di atas memaparkan situasi motivasi dakwah dalam bentuk praktikal atau penampilan daripada kalangan para peserta pada tahap yang kurang menyerlah dengan skor **positif** sebanyak **53.13%** (53.7% + 48.8% + 56.9%), berbanding skor **negatif** pada tahap **46.93%** (46.4% + 51.3% + 43.1%).

Penilaian berbentuk positif bagi praktikal ikatan ukhuwah (53.7%) menggambarkan program KKDP yang telah dilaksanakan memerlukan usaha-usaha penambahbaikan dari sudut pendekatannya, umpamanya memberikan tumpuan kepada perkara-perkara yang sepatutnya perlu diutamakan (sila lihat 2.5.2.(b) Elemen pengiktirafan, h.90) dan memberikan fokus kepada urusan dalam seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazālī (sila rujuk 2.5.1.(c) Elemen desakan dalaman, h. 80).

Penilaian berbentuk positif bagi praktikal ucapan salam (48.8%) menggambarkan para peserta program telah gagal untuk mengaplikasikan doa salam sebagai suatu bentuk kekuatan dan keuntungan yang tersembunyi (sila lihat 2.5.1.(a) Elemen keyakinan dan kemantapan, h.77), para peserta juga gagal mengaplikasikan dorongan insentif berbentuk pahala (sila lihat 2.5.2.(c) Elemen insentif, h.92) dan akhirnya mereka kehilangan semangat pengobanan yang suci dan mulia (sila lihat 2.5.1.(d) Elemen kesanggupan dan pengorbanan, h.81).

Penilaian berbentuk positif bagi praktikal penghayatan Islam (56.9%) menggambarkan para peserta program masih memerlukan bimbingan kerohanian dengan lebih mendalam dan sempurna (sila lihat 2.5.1.(b) Elemen iltizam dan penghayatan, h.78), seterusnya, perlu ada usaha-usaha yang serius untuk membuang item-item yang negatif dan kemudian menggantikannya dengan sesuatu yang konstruktif (sila lihat pendekatan meruntuh dan membina, h.74).

Merujuk kepada laporan observasi melalui kaedah Rekod Anekdot jelas memaparkan bahawa pendekatan motivasi yang tidak difokuskan ke arah penghayatan agama natijahnya gagal dipamerkan secara baik dan berkesan (lihat Rumusan bagi catatan Anekdot, bab tiga, h.110). Seterusnya jika merujuk kepada laporan Senarai Semak pula masih juga menunjukkan kelemahan kerana hanya 2 subjek (daripada 6 subjek) yang mendapat peratusan markah yang memuaskan 112 (70%) dan 118 (73.75%) daripada jumlah keseluruhan markah penuh 160 (lihat Dapatan Senarai Semak, h. 114). Oleh itu, sebagai penyelesaiannya kajian ini berpendapat perlunya setiap program motivasi memberi penekanan kepada elemen motivasi dakwah (Islam) melalui pelbagai pendekatan dan metode tertentu.

Jika merujuk kepada temubual daripada wakil pensyarah yang terlibat dengan program KKDP, beliau menyatakan *Seringkali terdengar natijah daripada sesuatu program motivasi tidak dapat bertahan lama. Saya tidak benar-benar pasti mengenainya. Oleh itu jika motivasi dakwah boleh memberikan jawapan kepada masalah ini, saya fikir ia sesuatu yang amat menarik. Saya rasa ia perlu dibuktikan terlebih dahulu melalui teori dan juga praktik.* Pandangan tersebut memfokuskan isu kepada pembuktian secara teori dan praktik di samping mengharapkan natijah daripada motivasi dakwah agar mampu bertahan lebih lama.

Seterusnya, jika merujuk kepada statistik deskriptif yang melibatkan ketiga-tiga item yang dinilai telah mencatatkan jumlah nilai **min 10.64** (70.93%) dan ia termasuk dalam tahap yang **memuaskan** daripada jumlah maksimum 15.00 (3 item x 5 nilai). Dapat difahami, secara puratanya responden masih memberikan nilai memuaskan terhadap semua amalan dan penghayatan Islam di kalangan para peserta program tetapi secara yang minima.

Merujuk kepada nilai signifikannya pula, kombinasi bagi ketiga-tiga item tersebut dari sudut pendekatan secara praktikal mempunyai nilai signifikan .000 iaitu masih berada pada tahap **memuaskan**. Melalui pencapaian tersebut ia adalah **valid** dan **signifikan** untuk dibuat **generalisasi** bagi seluruh populasi yang mengikuti program KKDP.

Akhirnya, dengan merujuk kepada soalan kajian dalam bab satu mengenai sejauhmana sumbangan motivasi dakwah dalam bentuk praktikal yang dapat disaksikan dalam program KKDP, ternyata bahawa keputusannya adalah **memuaskan** (53.13%) tetapi dalam tahap nilai yang **minima**.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN :

Bab ini akan menjelaskan semua penemuan hasil penyelidikan yang telah dijalankan dalam program KKDP di UiTM Cawangan Perak. Analisa dilakukan bagi kedua-dua bahagian pengukuran penyelidikan iaitu soal selidik dan juga triangualasi.

4.2 CIRI-CIRI LATAR BELAKANG SOSIO DEMOGRAFI PELAJAR :

Merujuk kepada latar belakang proram KKDP ini, ia bermula daripada reaksi pencapaian akademik keseluruhan pelajar UiTM Perak pada tahun 2000 yang agak kurang memberangsangkan berbanding tahun 1998 dan 1999.¹

Jawatankuasa Program Kecemerlangan Diri telah mengambil inisiatif mewujudkan program mentor mentee atas bimbingan pensyarah yang dilantik.² Kemuncak kepada aktiviti ini diadakan KKDP sebagai usaha membina motivasi diri dan persiapan menghadapi peperiksaan.

Latar belakang pelajar yang terlibat dengan program ini terdiri daripada pelajar yang dipilih khusus oleh fakulti masing-masing³ berdasarkan kepada kriteria utama permasalahan pelajar ; pertama akademik (bagi pelajar yang mempunyai CGPA kurang daripada 2.5), kedua akhlak (bagi pelajar yang pernah dikenakan tindakan tatatertib), ketiga keluarga (bagi pelajar yang mempunyai

¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Program Kecemerlangan Diri Ke 7, Bil. 2/2001, bertarikh 14 Mac 2001, h. 4

² Semua pensyarah terlibat disyaratkan mengikuti Bengkel Mentor Akademik di Pusat Latihan UiTM Kg. Gajah, Perak pada 19 hingga 21 Januari 2001

³ Sila rujuk Bab 3 dalam tajuk 3.3 Persampelan, h. 101